



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 12.00 tengah hari, 29 Julai 2026.

Untuk Terbitan Media
29 Julai 2026

SIARAN MEDIA

SEKTOR UTAMA TERUS JADI TUMPUAN, 6,000 PELUANG KERJA MENANTI ANAK PAHANG DI KARNIVAL KERJAYA MYFUTUREJOBS INDERA MAHKOTA

KUALA LUMPUR: Kerajaan MADANI akan terus memberi tumpuan kepada sektor utama seperti pembuatan, perkhidmatan, pertanian dan perlombongan dalam usaha menyediakan peluang pekerjaan kepada anak Pahang.

Usaha itu diperkukuhkan lagi menerusi penganjuran Karnival Kerjaya MYFutureJobs Indera Mahkota di Kuantan yang menawarkan kira-kira 6,000 kekosongan jawatan daripada 30 majikan dengan tawaran gaji sehingga RM10,000.

Karnival anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) itu merupakan sebahagian daripada aspirasi Sahabat MADANI bersama MYFutureJobs yang bertujuan membawa perkhidmatan pekerjaan lebih dekat kepada rakyat.

PERKESO dalam satu kenyataan memaklumkan, program berkenaan membuka peluang kepada pencari kerja mendapatkan pekerjaan yang sepadan dengan kelayakan, kemahiran dan pengalaman, selain menghimpunkan pelbagai majikan di bawah satu bumbung.

“Dalam karnival ini, pengunjung berpeluang bertemu secara langsung dengan bakal majikan, menghadiri sesi temu duga terbuka serta meneroka pelbagai pilihan kerjaya dalam satu lokasi.

“Selain menawarkan peluang pekerjaan, pelbagai perkhidmatan kerjaya turut disediakan secara percuma, termasuk padanan pekerjaan, semakan dan penambahbaikan *resume*, pendaftaran Portal MYFutureJobs serta khidmat nasihat kerjaya.

“Pendekatan ini membolehkan pencari kerja bukan sahaja mencari pekerjaan, malah memperoleh panduan dan sokongan yang diperlukan untuk membina kerjaya yang lebih mampan,” menurut kenyataan tersebut.

Program yang akan berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC) pada Ahad ini, 2 Ogos 2026 itu akan disempurnakan perasmianya oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan.

Sementara itu, dalam program sama, pegawai PERKESO juga akan memberikan bimbingan secara individu bagi membantu pencari kerja mengenal pasti potensi diri, memahami keperluan pasaran buruh semasa serta merancang hala tuju kerjaya yang menepati kehendak industri.

“Melalui bimbingan ini, pencari kerja dapat membuat keputusan kerjaya dengan lebih yakin, meningkatkan daya saing serta mempersiapkan diri untuk memenuhi keperluan dunia pekerjaan yang sentiasa berkembang,” jelas PERKESO.

Justeru, PERKESO mengalu-alukan penyertaan semua pencari kerja termasuk graduan baharu, belia, individu yang ingin kembali memasuki pasaran pekerjaan serta mereka yang ingin meningkatkan kerjaya.

"Jangan lepaskan peluang untuk melangkah ke arah kerjaya lebih baik. Layari www.myfuturejobs.gov.my untuk membuat permohonan pekerjaan dan maklumat lanjut mengenai Karnival Kerjaya MYFutureJobs selain ribuan peluang pekerjaan yang ditawarkan," menurut PERKESO.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai LINDUNG PEKERJA, Akta 800 sebagai LINDUNG KERJAYA, Akta 789 (SKSPS) sebagai LINDUNG KENDIRI, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai LINDUNG KASIH. Sementara itu, bermula 1 Jun 2026, LINDUNG 24 Jam dikuatkuasakan yang memberi perlindungan jika berlaku kemalangan di luar waktu kerja di dalam negara bagi pekerja yang mencarum LINDUNG Pekerja. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

29 Julai 2026